

KERATAN:

Berita Harian
SAB-A0275/12

TARIKH:

M/S:

16/01/2012
(8)

Pelbagai versi asal usul nama masyarakat Kimaragang

Penduduk dikaitkan keturunan Mongolia berdasarkan persamaan warna kulit, bahasa

Misteri Etnik

Azrul Affandi

Sobry

Wartawan

Affandi
Mohamed

Jurugambar

azr@bharian.com.my

Siri 1

WAJAH merah padam seperti baru lepas berjemur dalam terik matahari dengan susuk tubuh tegap menonjolkan karakter mereka. Hidup di pedalaman, dikelilingi sungai dan ladang mengukuhkan lagi peribadi sebenar mereka.

Melangkah masuk ke perkampungan mereka, pemandangan kanak-kanak menjerit sambil menyimbahkan air sungai sesama sendiri sedang ibu berkembang menyental kain basuhan.

Mahu menuju ke rumah pertama, hati terasa gementar kerana terpaksa melalui jambatan gantung sejauh kira-kira 30 meter. Tidaklah terlalu berbahaya, tetapi kerana serentak tujuh orang melaluinya, hayunannya menambah gemuruh terasa seperti mahu tersungkur di pertengahan jalan.

Namun, ia senario biasa yang menjadi rutin harian masyarakat Dusun Kimaragang yang menjadi antara penduduk teramai di Kota Marudu. Karakter mereka menyokong salasilah etnik ini yang bernaung di bawah kelompok orang Dusun bersama beberapa sub etnik lain.

Kimaragang bukan masyarakat kecil, tetapi jika dibandingkan dengan etnik lain di Sabah, jumlah mereka seramai kurang 130,000 orang tidaklah begitu besar. Mereka lebih ramai terjumpa di kawasan utara Sabah dan menjadi antara penyumbang terbesar dalam sektor pertanian di situ.

Menceritakan sedikit maklumat mengenai masyarakat itu, seorang guru yang pernah menulis mengenai sejarah kewujudan nama mereka, Rasimi Linggang berkata, orang Dusun dikatakan bermula dari Mongolia sejak ketika kebanyakan tanah belum dipisahkan laut.

"Saya diceritakan mengenai orang Dusun yang pada awalnya bermula di Mongolia. Dulu, tanah antara Mongolia sampai ke Asia Tenggara bercantum. Apabila ia dipisahkan lautan, sebahagian orang Mongolia itu terus berada di sini."

"Ada kebenarannya kenyataan itu kerana jika dilihat budaya dan cara hidup serta karakter orang Dusun dengan orang Mongolia, ada banyak persamaan. Malah, bahasa mereka juga hampir sama dengan kami. Tidak semua tetapi ada perkataan yang sama."

"Mereka juga mempunyai pakaian tradisi yang sama dengan orang Dusun. Kulit mereka juga kemerahan dan kerana warna kulit inilah kami mendapat nama Kimaragang. Ia sejarah yang tidak disokong bukti tetapi kisahnya diketahui semua," katanya ketika ditemui di Kampung Tingkalanon, Kota Marudu.

Kisah bagaimana orang Kimaragang mendapat namanya sudah diceritakan sejak generasi pertama sehingga keempat menjadikan ia cerita turun temurun yang menjadi keperayaan mereka. Malah, sehingga hari ini di



QQ

Ada kebenarannya kenyataan itu kerana jika dilihat budaya dan cara hidup serta karakter orang Dusun dengan orang Mongolia, ada banyak persamaan. Malah, bahasa mereka juga hampir sama dengan kami. Tidak semua tetapi ada perkataan yang sama

Rasimi Linggang
Guru/penulis

99

mana masyarakat itu sudah mencapai generasi ke-8, ia masih dalam versi paling popular.

Masyarakat Dusun Kimaragang ini pada awalnya dipanggil sebagai Momogun yang juga membawa maksud Dusun. Namun pada masa kini, masyarakat Momogun ini lebih dikenali sebagai Dusun dan istilah Momogun sudah jarang digunakan kecuali orang lama.

Diceritakan bahawa, terdapat sebuah perkampungan yang dihuni sekumpulan masyarakat. Mereka hidup aman damai tanpa sebarang gangguan. Namun, keamanan itu tidak bertahan apabila perkampungan mereka dilanda malapetaka yang amat dahsyat iaitu kemarau panjang yang berlaku selama tiga tahun.

Kemarau panjang itu bukan saja menyebabkan kematian tumbuh-tumbuhan dan haiwan, malah turut meragut nyawa penduduk di kampung itu. Situasi itu menyebabkan kawasan perkampungan berbau busuk kerana bangkai binatang dan mayat penduduk kampung bergelimpangan tanpa terurus.

Namun, selepas tiga tahun akhirnya nasib baik menyelahi mereka kerana hujan lebat dengan tiba-tiba selama tujuh hari. Hujan itu menyebabkan banyak tumbuh-tumbuhan kem-



PASANGAN Kimaragan memperagakan pakaian tradisi kebudayaan mereka.

bali hidup dengan subur terutama sebatang pokok tinggi yang mengeluarkan daun yang sangat lebat.

Penduduk pada ketika itu masih ragu-ragu untuk makan tumbuh-tumbuhan yang tumbuh kerana tidak tahu sama ada ia selamat atau sebaliknya. Namun, mereka mula merasa yakin apabila melihat satu haiwan seperti beruk yang berbulu merah pekat makan daun dari pucuk pokok besar itu.

Mereka nekad beramai-ramai memanjat pokok itu bersama haiwan yang diberi nama

Miragang (kemerahan) untuk mengambil pucuk daun sebagai santapan.

Melihat kepada keadaan itu, pokok besar itu sudah tidak kelihatan hijau dan hanya warna merah yang kelihatan. Ini kerana haiwan itu berwarna merah manakala orang kampung yang memanjat pokok itu juga berwarna merah. Ini kerana mereka semua tidak berpakaian, hanya bercawat kulit kayu.

Orang tua yang ada di situ akhirnya sepakat untuk menamakan kumpulan mereka sebagai Kimaragang berdasarkan warna kulit yang berwarna kemerahan-merahan. Maka, sehingga kini masyarakat ini dikenali sebagai suku Kimaragang.

Bermula dari kejadian itu, orang Kimaragang bergantung kepada isyarat yang diberikan haiwan merah itu. Habis pucuk daun pokok, mereka makan apa saja yang dimakan Miragang kerana berpendapat jika haiwan itu tidak mati memakannya, pasti ia selamat.

Selain itu, masyarakat ini juga terkenal dengan kerajinan mereka bercucuk tanam terutama sekali tembakai atau budui dalam bahasa Dusun Kimaragang dan timun, manakala pokok betik pula tidak perlu ditanam dan dijaga. Ia mampu tumbuh sendiri serta boleh mengeluarkan banyak buah.

Kedengaran sedikit dongeng, tetapi sedikit sebanyak ada yang logik. Mungkin secara ketuluan dan cerita ini hanya untuk mengaitkan mereka dengan sejarah kewujudan. Karakter kulit kemerahan memang ciri-ciri unik orang Kimaragang sehingga hari ini dan dikatakan anak hasil perkahwinan campur tidak lagi kemerahan kulitnya.

"Ada yang kata kulit kami merah mungkin kerana selalu berjemur sebab kebanyakan kami bekerja di kebun. Namun, kenapa pula mereka yang lahir daripada perkahwinan campur, kulit mereka tidak pula kemerahan sedangkan mereka juga ke kebun.

"Kami yakin ia adalah disebabkan faktor

darah dan keturunan. Semua orang Kimaragang pasti kemerahan kulit mereka. Tidak kira ketika di tengah panas atau dalam rumah," ceritanya lagi yang turut kelihatan merah kulitnya seperti sedang malu-malu pula bercerita dengan kami.

Menurut satu versi berbeza pula, jurulatih pasukan kebudayaan, Jamaul Inatul, 43, berkata tidak sesuai masyarakat mereka dikaitkan dengan haiwan iaitu Miragang kerana nama Kimaragang diambil daripada nama seorang ketua kampung di satu kawasan pedalaman Sabah.

"Dulu, ada seorang pemimpin yang memimpin satu perkampungan masyarakat kami. Ketika itu, semuanya tergolong di bawah masyarakat Dusun saja dan tidak ada nama khas untuk membezakan kami dengan yang lain. Pemimpin ketika itu bernama Aki Maragang.

"Satu ketika, ada beberapa penduduk dari kampung itu berkunjung ke satu kawasan lain dan apabila ditanya penduduk di situ orang manakah mereka, jawapan yang diberi ialah kami orang Aki Maragang.

"Kerana itu, lekat di bibir mereka menggelar masyarakat itu sebagai orang Kimaragang, merujuk kepada nama ketua mereka. Nama itulah yang digunakan sehingga hari ini, tidak ada kaitan dengan warna kulit mahupun haiwan," ceritanya.



WAJAH asli kanak-kanak etnik Kimaragang, Sabah.

Berita Harian 16/01/2012 (8)



MASYARAKAT Kimaragang menunjukkan proses membuat baju daripada kulit kayu yang turut dikaitkan dengan asal usul nama Kimaragan.